

No. 20877.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (SENAT) 2019

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

KEANGGOTAAN SENAT

2. Keanggotaan
3. Tempoh keanggotaan anggota dipilih dan anggota diko-opt
4. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA SENAT

5. Fungsi dan kuasa Senat

BAHAGIAN IV

MESYUARAT

6. Mesyuarat
7. Setiausaha
8. Notis mesyuarat
9. Agenda mesyuarat

Seksyen

10. Tatacara mesyuarat
11. Kuorum mesyuarat
12. Minit mesyuarat

BAHAGIAN V

PERWAKILAN KUASA

13. Kuasa mewakilkan
14. Keesahan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (SENAT) 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [P.U. (A) 460/2010], Canselor membuat Statut berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Sabah (Senat) 2019.

(2) Statut ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa pada 8 Ogos 2019.

Keanggotaan

2. (1) Senat hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengurus;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan Fakulti dan semua Ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;
- (d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

(2) Tertakluk kepada perenggan 2(1)(d), tatacara pemilihan dan jumlah keanggotaan hendaklah ditentukan oleh Senat.

(3) Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi anggota *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

Tempoh keanggotaan anggota dipilih dan anggota diko-opt

3. (1) Tempoh keanggotaan seseorang anggota dipilih dan anggota diko-opt hendaklah selama tiga (3) tahun.

(2) Anggota yang dipilih untuk mengisi kekosongan keanggotaan anggota dipilih yang terhenti menjadi anggota menurut perenggan 2 Jadual Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh anggota yang terdahulu itu dipilih.

(3) Anggota yang diko-opt untuk mengisi kekosongan keanggotaan anggota diko-opt yang terhenti menjadi anggota menurut perenggan 2 Jadual Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh anggota yang terdahulu itu diko-opt.

Peletakan Jawatan dan Pembatalan Pelantikan

4. Anggota dipilih atau anggota diko-opt boleh meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis satu bulan secara bertulis kepada Pengerusi.

Fungsi dan Kuasa Senat

5. Senat hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen 22(6) Perlembagaan, dan termasuklah fungsi dan kuasa untuk—

- (a) menimbaangkan cadangan mengadakan Statut baru atau meminda Statut atau membatalkan Statut, menurut subseksyen 35(3) Perlembagaan;
- (b) menimbaangkan cadangan mengadakan Kaedah-Kaedah baru atau meminda Kaedah-Kaedah atau membatalkan Kaedah-Kaedah, menurut kuasa di bawah seksyen 36 Perlembagaan;
- (c) membuat peraturan untuk menetapkan kursus-kursus pengajian dan sukanan pelajaran bagi peperiksaan;
- (d) memilih pemeriksa dalam dan luar Universiti;
- (e) mengeluarkan arahan kepada pemeriksa dan jawatankuasa pemeriksa;
- (f) meluluskan keputusan peperiksaan Universiti dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain mengikut Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan;
- (g) mengurniakan fellowship, biasiswa, bantuan, hadiah dan pingat;
- (h) memberikan arahan-arahan mengenai pengajaran dan penyelidikan;
- (i) memberikan arahan am mengenai kemudahan pengajaran dan penyelidikan lain di Universiti;
- (j) membuat perakuan-perakuan kepada Lembaga mengenai semua perkara lain yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Pihak Berkuasa, selain daripada Senat dan Lembaga.

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

10hb Dis. 2021]

22315

Mesyuarat

6. (1) Senat hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Dalam masa ketidakhadiran Pengerusi, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

(3) Kuorum Senat adalah satu pertiga (1/3) daripada jumlah anggotanya, tidak termasuk anggota *ex-officio*.

(4) Senat boleh mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat bagi memberi pandangan atau menasihati Senat tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang atau pelajar itu tidak berhak mengundi.

Notis mesyuarat

6. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat Senat hendaklah disampaikan secara bertulis atau secara elektronik oleh Setiausaha kepada anggota-anggota Senat sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan.

(2) Notis bagi sesuatu mesyuarat khas Senat hendaklah disampaikan secara bertulis, secara elektronik atau secara lisan tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

Agenda Mesyuarat

7. (1) Agenda mesyuarat Jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Agenda bagi sesuatu mesyuarat biasa serta kertas-kertas yang berkaitan hendaklah disampaikan kepada Senat selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

(3) Seseorang anggota Senat yang hendak memasukkan sesuatu perkara dalam agenda mesyuarat biasa hendaklah memberitahu Setiausaha selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan.

(4) Agenda bagi sesuatu mesyuarat khas hendaklah disampaikan kepada anggota-anggota Senat bersama-sama dengan notis mesyuarat itu.

Tatacara mesyuarat

8. Jawatankuasa boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

Minit mesyuarat

9. (1) Resolusi atau nasihat yang diberikan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat hendaklah dimintikan.

(2) Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada anggota-anggota Senat dalam masa tiga (3) hari selepas mesyuarat itu diadakan.

(3) Cadangan-cadangan bagi pembetulan sesuatu minit hendaklah dibuat dalam mesyuarat yang berikutnya.

(4) Minit-minit bagi sesuatu mesyuarat hendaklah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya.

(5) Minit-minit mesyuarat yang disahkan hendaklah disifatkan sebagai rekod yang lengkap mengenai ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Senat dan tindakan-tindakan susulan mematuhi ketetapan-ketetapan tersebut hendaklah diambil oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan.

(6) Minit mesyuarat Senat hendaklah disimpan oleh Setiausaha.

Kuasa mewakilkan

10. (1) Senat boleh mewakilkan kepada anggota-anggotanya atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada anggota-anggotanya atau suatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, atau mana-mana Pihak Berkuastra lain, atau mana-mana pegawai, mana-mana kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Senat boleh, sekiranya ia berpendapat perlu, menyemak mana-mana keputusan yang dibuat oleh pihak yang kepadanya ia telah mewakilkan kuasa dan boleh mengesahkan, membatalkan, mengubah atau meminta pihak itu menimbangkan semula keputusan itu.

Keesahan

11. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Senat yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 8 Ogos 2019

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN

DATUK HAJI MAHIRUDDIN

Canselor

Universiti Malaysia Sabah